2015

# Manual Pengguna

# Sistem e-Pengambilan Kakitangan LKIM

# (Kategori: Awam)
# Ver. 3.0

8 JUN 2015

DISEDIAKAN UNTUK

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

# Isi Kandungan

**1. Pendaftaran Pemohon** .......... 1

1.1. Daftar Pemohon .......... 1

1.2. Log Masuk .......... 4

1.3. Log Keluar .......... 13

1.4. Lupa Kata Laluan .......... 14

**2. Memohon Jawatan** .......... 16

2.1. Memasukkan Maklumat Lengkap .......... 16

2.2. Memohon Jawatan Kosong dan Menyemak Jawatan Yang Dipohon .......... 17

## 1. Pendaftaran Pemohon

### 1.1. Daftar Pemohon

1.1.1. Sistem e-Pengambilan Kakitangan LKIM adalah aplikasi yang berasaskan *web*. Sistem boleh dicapai melalui *web browser*.

1.1.2. Klik butang "**Start**" , kemudian pilih *browser* (contoh: *Mozilla Firefox* ) (rujuk **Rajah 1.1**).




**Rajah 1.1** – Memilih *browser* dari butang "***Start***".

1.1.3. Atau pengguna juga boleh memilih *browser* dengan klik pada ikon *browser* (contoh: *Mozilla Firefox* , *Internet Explorer* , *Chrome* ) di *desktop*.

1.1.4. Sila masukkan URL bagi Sistem e-Pengambilan Kakitangan (contoh: http://epengambilan.lkim.com.my), kemudian tekan kekunci "**Enter**" (rujuk **Rajah 1.2**).




**Rajah 1.2** – Memasukkan URL di *browser*

1.1.5. Antaramuka Sistem e-Pengambilan Kakitangan LKIM bagi Intranet akan dipaparkan.

1.1.6. Klik pada menu ‘**Permohonan**’. (rujuk **Rajah 1.3**)

1.1.7. Log Masuk pemohon akan dipaparkan.




**Rajah 1.3** – Klik Pada Menu Permohonan

1.1.8. Klik pada *hyperlink* ‘**Pendaftaran**’.




**Rajah 1.4** – Klik Pada *hyperlink* “**Pendaftaran**”

1.1.9. Paparan Pendaftaran Pemohon dipaparkan. (rujuk **Rajah 1.5**)




**Rajah 1.5** – Halaman Pendaftaran Pemohon

1.1.10. Masukkan maklumat yang diperlukan.

| Medan | Contoh maklumat yang dimasukkan/Keterangan |
|---|---|
| *MyKAD No | 84100506**** |
| *Emel | hayati123@yahoo.com |
| *Katalaluan | ********* |
| *Pengesahan Katalaluan | ********* |
| *Nama Penuh | Siti Nur Hayati Binti Mohd Isa |
| *Kategori | Awam |
| *No. Telefon (HP) | 0193578525 |
| *Negeri | Pahang |
| *Negara | Malaysia |
| *Kod Keselamatan | ynkefm |

1.1.11. Klik butang ‘**Daftar**’.

1.1.12. Mesej pemberitahuan pendaftaran berjaya dipaparkan. (Rujuk Rajah 1.6)




**Rajah 1.6** – Mesej pemberitahuan pendaftaran berjaya.

1.1.13. Maklumat mengenai pendaftaran pemohon akan di hantar ke e-mel pemohon yang telah didaftarkan.

## 1.2. Log Masuk

1.2.1. Masukkan URL: http://epengambilan.lkim.com.my

1.2.2. Klik pada menu '**Permohonan**'.(Rujuk Rajah 1.3)

1.2.3. Untuk log masuk ke dalam sistem, masukkan alamat e-mel yang didaftarkan **ATAU** masukkan No. Kad Pengenalan pemohon, kemudian masukkan kata laluan yang didaftarkan.




1.2.4. Klik butang '**Log Masuk**'.




**Rajah 1.7** – Halaman Log Masuk Pemohon

1.2.5. Paparan '**Maklumat Peribadi Pemohon**' akan dipaparkan.




**Rajah 1.8** – Halaman Maklumat Peribadi Pemohon

1.2.6. Masukkan maklumat peribadi pemohon yang diperlukan.

| **Medan** | **Contoh maklumat yang dimasukkan/Keterangan** |
|---|---|
| Gambar Passport | |
| *No MyKad | 84100506**** |
| *No.K/P (Lama/Tentera/Polis) | |

| Medan | Contoh maklumat yang dimasukkan/Keterangan |
|---|---|
| *Alamat emel | hayati123@yahoo.com |
| *Nama Penuh | Siti Nur Hayati Binti Mohd Isa |
| * Kelayakan Tertinggi | Ijazah |
| * Kategori | Awam |
| Hubungan dgn Kakitangan | - |
| Hubungan dgn Kakitangan (jika lain-lain) | - |
| *No. Telefon (HP) | 0193578525 |
| *Alamat | 237 Felda Sungai Tekam Utara |
| *Bandar | Jerantut |
| *Negeri | Pahang |
| *Poskod | 27060 |
| *Negara | Malaysia |
| *Tarikh Lahir | 05-10-1984 |
| *Tempat Kelahiran | Felda Sungai Tekam Utara |
| *Warganegara | Malaysia |
| *Jantina | Perempuan |
| Agama | Islam |
| Bahasa Lisan | |
| Bahasa Tulisan | |
| Lesen Memandu | D |
| Berat (kg) | 50 |
| Ketinggian (cm) | |
| B.M.I (kg/2) | |
| Status Perkahwinan | Bujang |
| Nama Pasangan | |
| Bilangan Anak | |
| Pekerjaan Pasangan | |
| Tempat Bekerja/Majikan Pasangan | |

1.2.7. Sekiranya kategori pemohon adalah *kakitangan* ada beberapa maklumat peribadi tambahan yang perlu di isi.

| Medan | Contoh maklumat yang dimasukkan/Keterangan |
|---|---|
| No Kakitangan | 123456 |
| KPSL/PSL | Ya |

1.2.8. Setelah semua maklumat peribadi telah di isi dengan lengakap oleh pemohon, klik butang ***'Seterusnya'***.

1.2.9. Paparan '**Pendidikan'** akan dipaparkan.




**Rajah 1.8** – Halaman Maklumat Pendidikan Pemohon

1.2.10. Terdapat beberapa maklumat pendidikan yang perlu dilengkapi oleh pemohon iaitu:

- maklumat SPM
- maklumat SPM kali kedua – sekiranya pemohon pernah menduduki SPM Dua kali
- Peperiksaan Bahasa Melayu Kertas Julai
- Peperiksaan Matematik Kertas Julai

1.2.11. Setelah semua maklumat pendidikan diisi dengan lengkap, klik butang **'seterusnya'**.

1.2.12. Halaman Maklumat Pengajian Tinggi pemohon dipaparkan.




**Rajah 1.9** – Halaman Maklumat Pendidikan Tinggi Pemohon

1.2.13. Maklumat pendidikan tinggi yang perlu di isi oleh pemohon ialah:

- Maklumat Peperiksaan STPM/STP/HSC
- Kelayakan daripada badan-badan professional dan ikhtisas
- Kelulusan Pengajian Tinggi

1.2.14. Setelah semua maklumat pengajian tinggi dengan lengkap, klik butang **‘seterusnya’**

1.2.15. Halaman maklumat kemahiran dan maklumat aktiviti akan dipaparkan.




**Rajah 1.10** – Halaman Maklumat Pendidikan Tinggi Pemohon

1.2.16. Terdapat dua kategori yang perlu diisi oleh pemohon di maklumat kemahiran.

- Menaip

| Kebolehan | Skala |
|---|---|
| Kepantasan menaip (perkataan seminit) | 64 |
| Kepantasan trengkas (perkataan seminit) | 75 |

- Komputer / Lain-lain

| Kebolehan | Skala |
|---|---|
| Microsoft Office | AMAT MEMUASKAN |
| PHP | BAIK |

1.2.17. Sekiranya pemohon ingin memadam kebolehan yang telah mereka masukan mereka boleh klik pada butang **'Padam'.**




**Rajah 1.11** – Halaman Maklumat Kemahiran

1.2.18. Sekiranya pemohon mempunyai lebih kebolehan komputer pemohon boleh menambah maklumat kemahiran dengan klik pada butang 'Tambah Maklumat Kemahiran'.




**Rajah 1.12** – Halaman Maklumat Kemahiran

1.2.19. Terdapat dua kategori yang perlu diisi oleh pemohon di maklumat aktiviti iaitu sukan dan persatuan.




**Rajah 1.13** – Halaman Maklumat Aktiviti

1.2.20. Sama seperti maklumat kemahiran, pemohon boleh klik di butang **'tambah maklumat sukan'** sekiranya pemohon banyak terlibat dalam aktiviti sukan.

1.2.21. Cara yang sama juga untuk tambah maklumat persatuan.

1.2.22. Setelah pemohon mengisi maklumat aktiviti , klik butang '**Seterusnya**'.

1.2.23. Halaman Pengalaman & Latihan akan dipaparkan.




**Rajah 1.14** – Halaman Maklumat Pengalaman

1.2.24. Masukan maklumat pengalaman yang diperlukan.

| **Medan** | **Contoh maklumat yang dimasukkan/Keterangan** |
|---|---|

| | |
|---|---|
| Dari | 01-03-2011 |
| Hingga | 30-12-2011 |
| Majikan&Alamat Majikan | MRCB Consortium Sdn Bhd, Shah Alam Selangor |
| Jawatan | Pengaturcara |
| Tugas-Tugas | Membangun Sistem |
| Gaji | 2000 |
| Elaun | 150 |

1.2.25. Masukan maklumat latihan yang diperlukan.

| Medan | Contoh maklumat yang dimasukkan/Keterangan |
|---|---|
| Nama Kursus | Kursus Kepimpinan |
| Dari | 01-02-2012 |
| Hingga | 05-02-2012 |
| Penganjur | Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia |
| Lokasi | D'laut Resort Kuantan |
| Keputusan | Lulus |

1.2.26. Setelah semua maklumat pengalaman dan latihan diisi oleh pemohon , klik butang **'Seterusnya'**.

1.2.27. Halaman pengakuan akan dipaparkan.


PENGAKUAN DIRI

Sebutkan nama dan alamat seorang selain daripada saudara-mara dan kakitangan LKIM yang benar-benar kenal dengan anda untuk memberi pengakuan berkenaan diri anda

Nama Rujukan *

ABC SDN BHD

Tempat Bekerja / Nama Majikan

CHERAS56100 KUALA LUMPUR

(Jika Berkenaan)

Pekerjaan Rujukan *

PENGURUS

No.telefon (Pejabat / HP) *

030009999

No.telepon (Rumah)

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa:

☑ Saya tidak ada halangan jika pihak LKIM berhubung dengan majikan saya baik yang sekarang ataupun yang dahulu untuk mendapatkan maklumat selanjutnya mengenai diri saya.

☑ Butir-butir keterangan yang saya berikan adalah betul dan benar. Jika saya ditawarkan jawatan dan keterangan yang diberikan di atas didapati palsu, maka perkhidmatan saya dengan LKIM kelak boleh ditamatkan serta-merta.

Pengakuan

☑

**Rajah 1.14** – Halaman Pengakuan Pemohon

1.2.28. Di halaman ruangan pengakuan pemohon perlu mengisi nama dan alamat seorang selain daripada saudara-mara dan kakitangan LKIM yang benar-benar kenal dengan mereka untuk memberi pengakuan berkenaan diri mereka.

1.2.29. Di bahagian bawah halaman pengakuan pemohon ini terdapat beberapa perkara yang perlu pemohon '*tick'* sebagai pengakuan mereka. Sekiranya pemohon tidak *'tick'* pada perkara tersebut dan terus klik pada butang setuju satu notifikasi pemberitahuan ***"Sila buat pengesahan terlebih dahulu"*** akan dipaparkan.




**Rajah 1.15** – Halaman Pengakuan Pemohon




**Rajah 1.16** – Notifikasi 'Sila buat pengesahan terlebih dahulu'

1.2.30. Setelah semua maklumat pengakuan di isi dan 'tick' pada semua pengakuan klik pada butang 'setuju'.

1.2.31. Halaman Iklan Jawatan Kosong dipaparkan.




**Rajah 1.17** – Halaman Iklan Jawatan Kosong

1.2.32. Pemohon perlu klik pada link **'mohon'** pada mana-mana jawatan yang dikehendaki.Sekiranya pemohon klik 'logout' tanpa memohon sebarang jawatan satu notifikasi pemberitahuan **'Sila mohon jawatan terlebih dahulu'**.




**Rajah 1.18** – Notifikasi 'Sila mohon jawatan terlebih dahulu'.

## 1.3. Log Keluar

1.3.1. Klik pada *hyperlink* '**Log Keluar**'.



1.3.2. Paparan utama akan dipaparkan.

1.4. Lupa Kata Laluan

1.4.1. Masukkan URL: [http://epengambilan.lkim.gov.my](http://epengambilan.lkim.gov.my)




**Rajah 1.19** – Halaman utama sistem e-pengambilan.

1.4.2. Klik pada menu '**Permohonan**'.Halaman Log masuk pemohon dipaparkan.Klik pada *hyperlink* 'Lupa katalaluan'.




**Rajah 1.20** – Halaman log masuk pemohon.

1.4.3. Halaman Lupa katalaluan dipaparkan




**Rajah 1.21** – Halaman lupa katalaluan

1.4.4. Masukkan alamat e-mel yang didaftarkan **ATAU** masukkan No. Kad Pengenalan pemohon.

1.4.5. Klik butang '**Kemaskini**'.

1.4.6. Pemberitahuan mengenai katalaluan yang baru akan dipaparkan.

1.4.7. Katalaluan pemohon yang baru akan automatic diambil dari 8 digit diawal NoMykad. (cth :84100608).

1.4.8. Maklumat mengenai katalaluan yang baru ini juga akan dihantar kepada pemohon melalui emel untuk rujukan dan simpanan mereka.


epengambilan@lkim.gov.my
To hayatinaziah@yahoo.com
May 27

Anda telah meminta pemulihan kata laluan untuk laman: e-Pengambilan Kakitangan LKIM.
Sila Log Masuk di sini dan tukar katalaluan anda: http://epengambilan.lkim.com.my/test2/pemohon

MyKad No: 890222145361
Nama Penuh: AHMAD SHAHIR BIN RADZANI
E-Mel: hayatinaziah@yahoo.com
Katalaluan: 89022214

Reply, Reply All or Forward | More

**2.** Memohon Jawatan

Nota: Sebelum memohon jawatan, pemohon dikehendaki melengkapkan maklumat pemohon.

2.1. Memasukkan Maklumat Lengkap

2.1.1. Log masuk ke dalam sistem.

2.1.2. Lengkapkan kategori maklumat berikut:

- Maklumat Peribadi
- Maklumat Akademi
- Kemahiran & Aktiviti
- Pengalaman & Latihan
- Pengakuan

Nota: Ruangan yang bertanda (*) tidak boleh dibiarkan kosong. Setelah selesai melengkapkan maklumat, pada setiap kategori maklumat, klik butang ‘**Seterusnya**’. Maklumat yang dimasukkan akan disimpan ke dalam sistem.

2.2. Memohon Jawatan Kosong dan Menyemak Jawatan Yang Dipohon

**Nota**: Pastikan maklumat telah lengkap dan '**Pengakuan**' telah dibuat sebelum memohon jawatan.

2.2.1. Sekiranya, anda tidak berada di paparan skrin senarai '**Iklan Jawatan Kosong**', klik pada menu '**Utama**'. Paparan senarai '**Iklan Jawatan Kosong**' akan dipaparkan (sekiranya ada).




**Rajah 1.22** – Halaman Utama

2.2.2. Klik pada *hyperlink* '**Mohon**' di *column* "**Tindakan**" pada jawatan yang hendak dipohon.

2.2.3. Pemberitahuan mengenai permohonan anda sedang diproses akan dipaparkan. Pemberitahuan juga akan dihantar ke alamat e-mel pemohon yang didaftarkan.




**Rajah 1.23** – Notifikasi 'Pemohonan anda akan diproses'

2.2.4. Bagi menyemak permohonan jawatan yang telah dibuat, klik pada *hyperlink* '**MyPermohonan**'.

2.2.5. Paparan senarai jawatan serta status bagi jawatan yang telah dipohon akan dipaparkan.




**Rajah 1.24** – Halaman MyPemohonan

**Nota**: Sekiranya tiada senarai jawatan dipaparan '**MyPermohonan**', ini bermakna pemohon masih belum memohon jawatan yang dikehendaki. Ini adalah kerana paparan '**MyPermohonan**' menunjukkan senarai permohonan jawatan yang telah berjaya dibuat. Pengguna boleh menyemak status bagi jawatan yang dipohon kerana status bagi jawatan berkenaan akan dikemaskini dari masa ke semasa.